

# Seminar biodiversiti, akuakultur dan perikanan di UMS 8 Jun depan

KOTA KINABALU: Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan ceramah bertajuk "A World View Of Fisheries, Biodiversity, and Aquaculture Impacts: Hotspots and 'Cold, Hard Solutions' pada 8 Jun depan (Selasa) di Bilik Seminar 1, IPMB.

Ceramah ini dijadual bermula jam 3-4 petang itu akan dikendalikan oleh Saintis Penyelidikan Suruhanjaya Pemuliharaan Hidupan Liar dan Ikan Florida Amerika Syarikat (AS), Dr. Theresa Bert, akan memberi gambaran mengenai kepentingan sektor perikanan dan akuakultur serta perkaitannya dengan

pengekalan biodiversiti.

"Program ini akan memperkatakan tentang hubungan antara dua industri berkenaan dan pelbagai lagi aktiviti manusia terhadap biodiversiti," kata kenyataan yang dikeluarkan IPMB, kelmarin.

Katanya, ia juga akan menyediakan pertimbangan dan penyelesaian untuk usaha membolehkan perikanan dan akuakultur serta pengekalan biodiversiti dijalankan secara serentak.

Dr Theresa menerima Ph.D dalam bidang Biologi dari Yale University pada 1985 dan kemudian menjadi penyelidik di suruhanjaya itu iaitu di Institut Penyelidikan Hidupan Liar dan Ikan

(FWRI) di Florida. Beliau pernah terlibat dalam Program Kajian Crustacean dan Makmal Genetik Molekular.

Beliau juga telah mengadakan 61 penyampaian di 12 buah negara, menyunting dua buah buku dan menerbitkan kira-kira 80 artikel dan laporan.

Justeru, orang ramai dijemput menghadiri sesi ceramah berkenaan untuk berkongsi ilmu dan mendapatkan pengetahuan baru daripada program berkenaan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Dr. Pushpa Palaniappan di talian 088-320000 (sambungan 2597).